

Name:  noor syamimi Title: syarahan bertajuk "MUHIBAH MEMBENTUK PERPADUAN"

2010-03-17 16:08

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, barisan penal hakim yang arif dan lagi saksama, Guru Besar, guru-guru, dan hadirin sekalian. Tajuk syarahan pada pagi yang indah ini ialah "Muhibah Membentuk Perpaduan".

Tuan-tuan dan puan-puan,

Apakah itu muhibah? Muhibah bererti hubungan mesra pelbagai kaum dalam sesebuah masyarakat yang bersatu. Merujuk pada rakyat Malaysia, amalan muhibah amat penting untuk membentuk perpaduan kaum. Tanpa semangat muhibah, berbagai-bagai masalah akan timbul dalam sesebuah negara yang berbilang kaum ini.

Muhibah dapat diwujudkan dengan pelbagai cara. Antaranya, dengan mengadakan aktiviti gotong-royong, bersukan, mengadakan rumah terbuka ketika perayaan-perayaan kaum di Malaysia. Semangat setia kawan dan persefahaman antara kaum dapat dipupuk ketika aktiviti tersebut dijalankan.

Hadirin sekalian,

Sikap bertanggungjawab kepada negara haruslah dipupuk dalam diri setiap individu sejak di bangku sekolah lagi. Sikap ini akan melahirkan rakyat yang cinta akan negara. Apabila kita cinta akan negara, maka semangat muhibah antara kaum dengan sendirinya akan wujud.

Lima prinsip Rukun Negara juga haruslah dijadikan landasan serta amalan hidup kita sehari-harian. Setiap kaum harus ada perasaan cinta akan negara dan bersungguh-sungguh untuk membentuk perpaduan. Apabila ada perasaan muhibah ini, maka mudahlah pihak kerajaan menjalankan pembangunan untuk rakyat.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menanam semangat muhibah dalam diri masing-masing untuk membentuk perpaduan demi keamanan kita semua.

Sekian, terima kasih.

Perpaduan Asas Kecemerlangan Negara

Berikut adalah teks syarahan pemenang pertandingan syarahan Bahasa Malaysia sekolah saya.

Yang mulia Tuan Pengerusi majlis, barisan panel hakim yang adil lagi bijaksana, guru-guru dan murid-murid yang dihormati sekalian. Salam sejahtera saya ucapkan. Pada pagi yang mulia ini, izinkan saya menyampaikan sebuah syarahan bertajuk “Perpaduan Asas Kecemerlangan Negara” .

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, agama, kebudayaan serta mengamalkan cara hidup yang berbeza. Oleh itu, perpaduan negara merupakan matlamat yang amat penting dalam setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial mahupun politik.

Perpaduan amatlah penting dalam pembangunan dan pentadbiran negara kerana ia merupakan asas untuk mengekal dan mempertahankan kebebasannya sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian, Menerusi perpaduan yang kukuh, tahap pencapaian ekonomi negara dapat dipertingkatkan supaya taraf hidup rakyat akan bertambah maju di samping mewujudkan suasana politik yang stabil.

Perpaduan yang kukuh dan kuat merupakan pemangkin kepada kecemerlangan negara. Dengan wujudnya perpaduan dan negara yang aman damai, kita mampu mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang. Kejayaan yang dicapai membolehkan kita menjadi bangsa yang bermaruah dan berdikari.

Saudara-saudari yang dihormati, Sekiranya perpaduan rakyat rapuh dan lemah, negara akan terdedah kepada pelbagai ancaman dan masalah. Rakyat yang berpecah-belah dan tidak bersatu-padu akan menyebabkan huru-hara, rusuhan, pergaduhan kaum dan sebagainya. Keadaan ini pasti akan menjejaskan kedaulatan, ekonomi serta kestabilan negara.

Kita harus belajar dari peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang pernah melanda negara ini agar pisang tidak berbuah dua kali. Perpaduan rakyat negara ini telah tergugat akibat peristiwa pahit itu.

Sebagai langkah untuk menyatu-padukan rakyat negara ini, kerajaan telah melancarkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara.

Prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara merupakan kunci untuk memelihara serta mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum negara ini.

Rakyat negara ini harus berusaha untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu, setia dan cinta akan negara.

Saudara-saudari yang dihormati sekalian,

“Perpaduan Asas Kecemerlangan Negara”

Sebagai warganegara Malaysia yang tercinta, kita harus menjadikan perpaduan rakyat sebagai teras dan landasan hidup bermasyarakat di negara ini.

Negara ini adalah tanggungjawab kita. Perpaduan negara ini adalah tanggungjawab kita bersama. Kecemerlangan dan kejayaan negara pasti menjadi kemegahan kita semua. Maka itu, kita harus sentiasa bersatu-padu dan hidup dalam berharmoni.

Akhir kata, izinkan saya mengakhiri syarahan saya dengan pantun berikut.

Tasik Chini dipenuhi bunga,
Ada cerita terdapat naga;
Negara diancam huru-hara,
Perpaduan dengan Rukun Negara.

Sungai Pahang berjela-jela,
Naik rakit merentas desa;
Demi rakyat negara tercinta,
Perpaduan tonggak 1 Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

Posted by ET-Eyes at [8:31 PM](#) 

Labels: [School](#)

0 comments:

Post a Comment